

PROGRAM SERASI

Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar dengan akronim SERASI, sebuah program yang telah diilham dan ditaja oleh Shell Malaysia telah diamanahkan kepada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak (KASKA) untuk menganjurkannya 2 tahun sekali, telah dilaksanakan bermula pada tahun 2004. Antara objektif pelaksanaan Program SERASI adalah untuk :

- i. Mempertingkatkan kesedaran dikalangan pelajar terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar,***
- ii. Memupuk semangat positif dan cintakan alam sekitar dikalangan pelajar,***
- iii. Menggalakkan penganjuran pelbagai aktiviti yang berkait rapat dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, dan***
- iv. Memberi pengiktirafan kepada usaha berterusan pihak sekolah dalam program pendidikan alam sekitar.***

Di ketuai oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak (NREB), dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, satu Panel Hakim telah dibentuk untuk menjalankan penghakiman ke atas 71 buah sekolah menengah dan rendah di Negeri Sarawak.

Penyertaan yang amat memberansangkan tersebut menunjukkan pertambahan secara mendadak menunjukkan timbulnya kesedaran warga sekolah tentang pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dipupuk di kalangan generasi muda.

Pertambahan mendadak dari segi penyertaan sekolah pada kali ini membuktikan tahap kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat pendidik dan generasi muda kita terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Penyertaan sekolah daripada tahun 2004 sehingga kini adalah dinyatakan seperti di rajah berikut :

Bil.	Tahun	Sekolah Menengah	Sekolah Rendah	Jumlah
1	2004	9	6	15
2	2005	7	20	27
3	2006	12	19	31
4	2007 / 2008	20	51	71
JUMLAH		48	96	144

Dengan adanya kesedaran sedemikian, diharapkan program ini dapat dilaksanakan secara berterusan demi mencapai objektif penubuhannya untuk kelestarian alam semulajadi sebagai warisan dan khazanah generasi akan datang.